

SAHIB AL-SAMAHAH MUFTI BESAR PALESTIN MENYINARKAN HIKMAT-HIKMAT PUASA

Berbetulan pada masa hampir majalah siap maka dengan tidak disangka-sangka tiba-tiba makalah Sahib Al-Samahat Al-Haj Amin Al-Husaini XXXXX yang terkenal yang telah mengorbankan tenaga, usaha dan segala-galanya kerana Palestin XXX kita dan di dalamnya mengandungi mudhuk berkait dengan puasa dan hikmat-hikmatnya dan kerana makalah ini sangat-sangat berharga berusahanya ditulis oleh Sahib al-Samahah itu maka kita berharap XXXXXXXX beri manfaat dan zakat kepada umum kaum Muslimin di sini dalam masa menyambut XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX dan persaudaraan yang kuat di antara umat Muslimin. Kandungan makalahnya yang XXXXXXXXXXXX.

Bismillahirahmanirahim

*Alhamdullillahi rabbalamin wasalawatu wasalam ala
XXXXXXXXXXXXXX aalamin*

wa ala alih wasohbih wa man kana XXXXXXXXXXXXX.

XXXXXXXXXXXXXX

XXXXXXXXXXXXXX

*wa bainata minal huda wal furqan faman
shahidu minkum al-shar XXX”*

* * * *

Bulan Ramadhan Bulan Pendidik Sabar.

Bahwasanya bulan Ramadhan ialah bulan al-Quran yang ia juga “Sahr al-Sabr” atau bulan pendidik sabar sebagaimana yang tersebut di dalam al-Hadis al-Sharif Tuhan telah pertemuan atas segala hamba-hambanya yang beriman supaya mereka puasa di dalamnya pada tiap-tiap tahun supaya mereka mendapat keredhaan dan darjat-darjat yang tinggi yang telah disabdakan Allah dan supaya orang-orang yang telah menunaikan puasa dengan sempurna berjaya mendapat kesucian di dalam jiwa mereka dan kekuatan di dalam jisim mereka itu. Kerana puasa pada hakikatnya ialah suatu riadah dan didikan yang baik bagi rohani dan jasmani iaitu sesuai bagi nazam (peraturan) Tuhan yang berhikmat sebagaimana yang terbentang dalam al-Quran al-Karim dan dijelaskan oleh hadis Rasullullah Sallallahu Alaihi Wassalam sungguh tepat jika disebut bahawa puasa itu ialah suatu latihan tahanan yang telah difardhukan di atas sekalian

orang-orang Islam yang mukalaf lelaki dan perempuan supaya mereka sedia dengan persediaan rohani dan jasmani dan supaya mereka terlatih berlaku taat kepada Allah dan menunaikan kewajipan agama dengan diri yang suci dan hati yang penuh dengan iman dan ikhlas. Juga supaya mereka mendapat kesihatan badan yang menolong mereka kepada bertahan menentang kesulitan hidup dan supaya mereka berakhhlak dengan sifat-sifat sabar, tahan menderita, berkorban dan mencegah diri daripada terpedaya kepada rontakkan hawa nafsu dan daripada penyakit bakhil. Lebih-lebih lagi supaya mereka dapat membebaskan diri dari pada menyembah kebendaan yang telah merosakkan keadaan hidup beberapa banyak bangsa-bangsa dan puak-puak. Mudah-mudahan dengan itu tidaklah orang-orang Islam akan bertemu dan terpengaruh kepada fitnah-fitnah kebendaan tersebut bahkan supaya yang menjadi hamba-hamba bagi Allah semata-mata, ikhlas menunaikan suruhan agama dan gemar mengorbankan segala apa yang berharga untuk mencapai keredhaan Allah Taala, dan untuk meninggikan kedudukan Islam dan umat Muslimin.

Faedah-faedah yang akan didapat daripada puasa bulan Ramadhan ialah juga melatih orang-orang Islam kepada sifat-sifat kuat kemahuan dan teguh azam dalam perjuangan hidup mereka di dunia ini, dan dengan itu bermakna mereka itu telah mempunyai pertahanan yang kuat bagi menahan mereka daripada sambungan pada muka 33 (muka gambar)

tercebur ke dalam maksiat bahkan
sentiasa segala gerak langkah dan
amal-amal mereka itu menuju kepada
kebijakan umum dan segala apa
diredhai Tuhan.

Berkenaan kesihatan badan maka
telah tersebut dalam hadis : "Sumua
tashua" (berpuasalah kamu nescaya
beroleh kesihatan) suatu keterangan
yang jelas nyata yang menunjukkan bahawa
puasa membawa kesihatan ialah
sekiranya orang-orang Islam berpada dengan
makan minum yang sesuai banyak pada
masa berbuka atau pun pada waktu
bersahur supaya mereka dapat merasa
faedah berlapar dan dahaga dan
dengan itu mereka akan insaf dan
menaruh belas kasihan kepada segala
fakir miskin dan memberi bantuan
yang akan meringankan penderitaan mereka
yang pahit itu dengan mengeluarkan
zakat dengan tidak mencari dalih
lagi. Tentang adat kebiasaan orang-orang
Islam menyediakan terlalu banyak
jenis-jenis makanan dan minuman pada bulan Ramadhan.

Maka ini adalah menyalahi hikmat dan tujuan berpuasa
dan merosakkan faedah-faedahnya banyak yang mengenai rohani
mahupun jasmani.

Orang Islam yang berpuasa menurut peraturan yang telah diaturkan
oleh syarak sebagaimana yang disebutkan itu. Sesungguhnya
mereka telah berjaya mencapai takwa kepada Allah dan beruntung
mendapat faedah yang terkandung di dalam puasa itu. Junjungan
kita (SAW) telah menerangkan kepada umatnya bahawa suatu perkara



Sahib Al-Samahah Al-Haj Amin Al-Husaini

yang patut dijaga dalam bulan puasa ialah "berdusta"
Sebagaimana yang tersebut dalam Sahih Bukhari :
*"Man lam yada' qaul al-zaur wa 'amal bih falaisa Allah
hajatan fi ayn yada' thoamih wa syawabih"* (barangsiapa yang
tidak meninggalkan penyakit berdusta dan beramal dengannya
maka sia sahaja ia berlapar dan menahan dahaga kerana
Tuhan tidak menerima puasanya itu).

Mudah-mudahan Tuhan akan menjadikan kami dan
tuan-tuan daripada mereka yang telah berpuasa menurut semestinya.